

02 SEP 1997

BSKL PATUT DITAKSIRKAN SEMULA KEPADA ARAH NAIK, KATA BROKER SAHAM

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Persatuan Syarikat-syarikat Broker Saham Malaysia (ASCM), berkata satu taksiran semula yang berarah naik harus dibuat terhadap Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Pengerusinya, Datuk Tony Tiah Thee Kian, berkata pasaran itu, yang turun sejak beberapa bulan ini, telah keluar dari paras bawah dan patut ditaksirkan semula kepada arah naik.

Dengan purata pendapatan harga pasaran sekitar 10 kali -- iaitu yang rendah dalam empat atau lima tahun dan juga yang paling rendah setakat ini -- pasaran seharusnya bergerak ke atas, kata Tiah, yang juga pengerusi eksekutif TA Securities Bhd, pada satu persidangan berita di sini, hari ini.

Sambil memberikan sokongan penuhnya terhadap seruan Perdana Menteri kepada semua pelabur tempatan supaya menyokong pasaran, beliau berkata pasaran sepatutnya bergerak sekurang-kurangnya dalam jajaran antara 800 dan 1,000 mata.

Katanya pasaran telah menurun terdahulu kerana sentimen yang lemah berpunca daripada khabar angin dan laporan media asing yang menimbulkan satu imej yang kurang baik bagi pasaran.

"Kita tidak berada dalam keadaan yang sama seperti Thailand...fundamental kita adalah lebih baik," katanya.

Beliau berkata kinilah masa bagi pelabur dan dana amanah untuk membeli saham...tetapi enggan mengulas tentang secergas mana Khazanah Nasional Bhd, Permodalan Nasional Bhd (PNB) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau institusi lain telah menyokong BSKL.

Minggu lepas, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengarahkan Khazanah, PNB dan KWSP supaya secara cergas membeli saham bagi menyokong pasaran.

Tiah juga menyatakan bahawa persatuan itu menyokong penuh pelbagai sekatan yang dikenakan oleh kerajaan untuk membersihkan pasaran daripada pemanipulasi serta keputusan kerajaan membenarkan pembelian balik saham oleh syarikat-syarikat.

"Kami yakin bahawa dengan adanya galakan kerajaan, keyakinan pelabur terhadap pasaran akan pulih. Sebaik sahaja keyakinan pulih, pasaran seharusnya berarah naik," kata Tiah. -- BERNAMA

AD SIA